

MOBILE BUSINESS INTELLIGENT CENTER (MBIC)

ROHAIZAN BIN ABD JALIL

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat)**

**Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2007

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t atas kejayaan menyediakan laporan projek sarjana.

Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr Wan Mohd Nasir selaku penyelia serta para panel penilai yang banyak membantu dalam memberi dorongan serta sokongan yang membina. Kepada ibu, bapa serta isteri yang tidak jemu-jemu untuk memberikan khidmat nasihat Tidak lupa juga ingin saya merakamkan penghargaan kepada para pensyarah khususnya keluarga program SKIT dan juga BIP serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu menjayakan laporan ini.

ABSTRAK

Persaingan dalam dunia keusahawanan dilihat semakin mencabar. Tanpa mempunyai asas dan pengetahuan yang tinggi dalam ilmu keusahawanan memungkinkan matlamat kerajaan untuk menaiktaraf ekonomi bumiputera dalam bidang keusahawanan akan hanya tinggal agenda yang rancak diperdebatkan. Kehadiran teknologi SMS yang berasaskan kepada telefon bimbit tidak harus dipandang daripada sudut hiburan sahaja. Selaras dengan itu perkhidmatan yang diberi nama sebagai MBIC akan memberikan peluang ke arah pemantapan ilmu keusahawanan. Permasalahan yang mereka hadapi seperti sukar untuk mendapatkan maklumat kursus keusahawanan dan beberapa aspek lain yang berkaitan juga diteliti bagi memudahkan pembangunan sistem. Perkhidmatan ini akan memastikan para usahawan memperoleh maklumat program yang bersesuaian dengan minat dan perniagaan mereka. Proses merekabentuk perkhidmatan yang berasaskan kepada SMS ini dilakukan dengan menggunakan kaedah Unified Modeling Language (UML) agar pembangunan projek lebih mudah untuk dibangunkan. Teknologi-teknologi terkini yang bersesuaian dengan kemudahan SMS seperti Python dan juga MySQL menjadi platform utama dalam proses pembangunan sistem. Rancangan Perniagaan yang disediakan juga membincangkan mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan strategi pemasaran dan analisis pasaran supaya perkhidmatan yang dibangunkan ini mampu untuk dikomersialkan pada masa hadapan. Hasil daripada perkhidmatan ini, menunjukkan teknologi SMS sebenarnya mampu untuk digunakan dalam komuniti keusahawanan dalam mewujudkan pembentukan usahawan yang mempunyai daya saing dan juga jati diri yang tinggi.

ABSTRACT

There are many competitors in the entrepreneur world. Without having a good knowledge and skill development in entrepreneurship our government mission and objective to groom Malay economic will be impossible. There is the way to solve all kind of problem face about registration program and taking course within this service. The rising of mobile technology using the SMS give an advantage to entrepreneur development skills. The MBIC are the one of the services provide to solve the problem in entrepreneurs world for make a registration in entrepreneurs development program to polish their skill and knowledge in the competative business world. Briefly, this service is to make sure entrepreneur to take the program depend on their interest and their business itself. The process for develop this service are using Unified Modeling Language (UML). The reason is to make it easy to develop for this project more effectively. In addition, mobile technology that are arise also facilitate to make this system more convenient to develop, MySQL and Phython programming language is a few of example as a back bone for this system development. Business plan discusses what marketing and financial strategies in commercializing the system at later stage. Consequently this service give some opportunity to entrepreneur and the SMS technology itself to give a compliment for each other. Last but not least, SMS can give more advantages among entrepreneur community to develop their competitive age in the real world business strategy.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	PENGESAHAN	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	SENARAI KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	3
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop	9
	1.5.1 Skop Bidang	10
	1.5.2 Skop Pengguna	11
	1.6 Kepentingan Projek	11
	1.7 Kesimpulan	13
2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	14
	2.2 Evolusi Internet	17
	2.2.1 Pembangunan Teknologi Internet	18
	2.2.2 Ringkasan Evolusi Laman Web	19
	2.3 Evolusi Telekomunikasi	21
	2.3.1 Telefon	22
	2.3.2 SMS	22

2.3.2.1	Unsur Hiburan	24
2.3.2.2	Unsur Keselamatan Dan Kawalan	26
2.3.2.3	Unsur Pengiklanan	27
2.3.2.4	Unsur Maklumat	28
2.4	Pendekatan Kepada <i>Business Intelligent</i> (BI)	29
2.5	Kajian Sistem Sedia Ada	31
2.5.1	Dapat Vista Sdn Bhd	31
2.5.2	Business Integrated Resource Sdn Bhd	34
2.5.3	Trio Mobile Sdn Bhd	35
2.6	Perkhidmatan Pengumpulan Maklumat	36
2.6.1	Muat Turun <i>Ring Tones</i>	36
2.6.2	Muat Turun Gambar	37
2.6.3	Perbualan Melalui SMS	38
2.6.4	SMS <i>Alert</i>	38
2.6.5	Peraduan SMS	39
2.7	Kajian Industri SMS	39
2.7.1	Sejarah SMS	40
2.7.2	Perbezaan antara SMS dan WAP	41
2.7.3	Rangkaian yang menyokong teknologi SMS	41
2.8	Kesimpulan	44

3

METODOLOGI

3.1	Pengenalan	45
3.2	Model Pembangunan Sistem	48
3.2.1	Model Air Terjun	48
3.2.2	Model <i>Spiral</i>	49
3.2.3	<i>Rational Unified Process</i> (RUP)	51
3.3	Metodologi Yang Digunakan	52
3.3.1	Permulaan (<i>Inception</i>)	54
3.3.2	Penghuraiaan (<i>Elaboration</i>)	54
3.3.3	Pembinaan (<i>Construction</i>)	54
3.3.4	Peralihan (<i>Transition</i>)	55
3.4	Teknik Pengumpulan Maklumat Yang Digunakan	55
3.4.1	Temubual (<i>Interview</i>)	55

	3.4.2 Pemerhatian (<i>Observation</i>)	57
	3.4.3 Carian Maklumat Melalui Internet	58
	3.5 Penjadualan Projek	60
	3.6 Kesimpulan	61
4	ANALISIS DAN REKABENTUK SISTEM	
	4.1 Pengenalan	62
	4.2 Analisis Sistem	63
	4.2.1 Kes Guna (<i>Use Case</i>)	63
	4.2.2 Penerangan Kes Guna (<i>Use Case</i>)	65
	4.2.3 Pendaftaran Akaun Berdasarkan Rajah Jujukan	65
	4.3 Seni Bina Sistem	66
	4.4 Struktur Rekabentuk	71
	4.5 Modul Pendaftaran	74
	4.5.1 Pendaftaran Agensi	74
	4.5.2 Pendaftaran Kursus	76
	4.6 Modul SMS <i>Alert</i>	76
	4.7 Modul Pertanyaan	76
	4.8 Kesimpulan	77
5	IMPLEMENTASI DAN PENGUJIAN	
	5.1 Pengenalan	78
	5.2 Implementasi Sistem	79
	5.3 Pengujian	80
	5.3.1 Proses Pengujian	80
	5.3.1.1 Pengujian Keberfungsian (<i>Functional</i>)	81
	5.3.1.2 Pengujian Penstrukturan	84
	5.4 Kesimpulan	90
6	RANCANGAN PERNIAGAAN	
	6.1 Ringkasan Esekutif	91
	6.1.1 Objektif	92
	6.1.2 Misi	92
	6.2 Ringkasan Syarikat R&R Matrix	93

6.2.1	Pengurusan dan organisasi	93
6.2.2	Lokasi syarikat dan fasiliti	94
6.3	Perkhidmatan	95
6.3.1	Penerangan perkhidmatan	96
6.4	Analisis Industri	98
6.4.1	Industri Sekarang	98
6.4.2	Jangkaan Masa Depan	99
6.4.3	Peluang Strategik	99
6.4.4	Pensegmenan Pasaran	100
6.4.5	Ramalan Industri	100
6.5	Sasaran Pasaran	101
6.5.1	Lokasi Pemasaran Dan Pengguna	101
6.5.2	Gaya Pasaran Dan Masa Depan	102
6.6	Pesaingan	102
6.6.1	Analisis Pesaing Utama	102
6.6.2	Strategi Kompetitif	104
6.7	Rancangan Pemasaran Dan Strategi Jualan	104
6.7.1	Penembusan Pasaran	104
6.7.2	Strategi Pemasaran	105
6.8	Kebarangkalian Risiko	105
6.8.1	Kelemahan Perkhidmatan	106
6.8.2	Teknologi Baru	106
6.8.3	Rancangan Alternatif	106
6.9	Pembangunan Jangka Masa Panjang Dan Titik Keluar	107
6.9.1	Objektif	107
6.9.2	Strategi	108
6.9.3	Batu Tanda Aras	108
6.9.4	Risiko	109
6.9.5	Rancangan Keluar	109
6.10	Rancangan Kewangan	110
6.10.1	Ramalan untung rugi	110
6.11	Kesimpulan	112

7	KESIMPULAN	
	7.1 Pengenalan	113
	7.2 Kerasionalan Objektif Projek	114
	7.3 Perbincangan	115
	7.3.1 Carta Kerja Agensi	115
	7.3.2 Impak Daripada Sistem Yang Dicapangkan	117
	7.4 Kekangan Projek	118
	7.5 Kepentingan Projek	119
	7.6 Cadangan	120
	7.7 Kesimpulan	120
	RUJUKAN	121
	LAMPIRAN	123-155

SENARAI JADUAL

NOMBOR JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Perkhidmatan rangkaian selular	42
3.1	Kebaikan dan kelemahan dalam model air terjun	49
3.2	Kebaikan dan kelemahan dalam model <i>spiral</i>	50
4.1	Perkakasan dan perisian dalam pembangunan sistem	68
5.1	Pengujian laluan yang dikenalpasti	89
5.2	Ujian kemasukan nombor kad pengenalan	89
6.1	Penyata untung rugi untuk tiga tahun	110
7.1	Perbandingan antara sistem semasa dan sistem yang dicadangkan	116

SENARAI RAJAH

NOMBOR RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Penerimaan SMS	4
1.2	Platform dalam pindaan video melalui 3G	5
2.1	Ringkasan evolusi laman web	19
2.2	Penggunaan SMS dalam system keselamatan	26
2.3	Struktur business intelligent	30
2.4	Penghantaran SMS daripada Dapat Vista Sdn Bhd	33
2.5	Salah satu contoh modul dalam Trio Mobile Sdn Bhd	35
3.1	Rangka operasi	47
3.2	Model air terjun	48
3.3	<i>Spiral Model</i>	50
3.4	Fasa dalam RUP	51
3.5	Fasa dalam RUP	53
4.1	Kes guna sistem SMS MBIC	63
4.2	Rajah jujukan untuk pendaftaran akaun	66
4.3	Seni bina sistem	68
4.4	Rajah kelas	70
4.5	Carta alir penggunaan SMS MBIC	72
4.6	Pecahan modul sistem SMS MBIC	73
5.1	Konsep pengujian keberfungsian	81
5.2	Pengujian kemasukan data	82
5.3	Data <i>output</i> yang dijangka	82
5.4	Ringkasan <i>black box testing</i>	83

5.5	Sebahagian daripada kod pengaturcaraan <i>python</i>	84
5.6	Carta alir SMS MBIC	87
5.7	Carta <i>graph</i> sistem SMS MBIC	88
6.1	Carta organisasi R&R Matrix	94
6.2	Konsep rekabentuk perkhidmatan SMS MBIC	95
6.3	Pendaftaran telefon mudah alih, 2005	100

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A1	Carta Gantt Projek I	124
A2	Carta Gantt Projek II	126
B	Penerangan Kes Guna	127
C	Statistik Penggunaan Telefon Selular	136
D	Laporan Akhbar	138
E	Ujian Penerimaan Pengguna	144
F	Laporan Kewangan	152

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemunculan era teknologi maklumat telah memberikan banyak sumbangan kepada pelbagai sektor khususnya dalam bidang teknologi. Kesedaran terhadap sains dan teknologi tersebut telah mendorong pelbagai agensi untuk menggunakan sepenuhnya kemampuan yang terdapat dalam penaiktarafan teknologi maklumat tersebut. Pihak kerajaan mahu pun swasta masing-masing berlumba-lumba untuk merapatkan jurang teknologi mereka tidak kiralah dalam memperhebatkan tahap keselamatan dalam penghantaran data mahu pun mempercepatkan penghantaran data terbabit.

Bagi kerajaan kesungguhan mereka terbukti dengan kemunculan konsep yang digelar sebagai kerajaan elektronik atau disebut juga dengan *e-government*, yang mana ia membolehkan keseluruhan jentera kerajaan daripada sebuah unit yang kecil sehinggakan kepada sebuah kementerian yang besar mampu untuk berhubung dalam satu talian bagi memantapkan lagi pentadbiran kerajaan. Kemunculan Multimedia Super

Corridor (MSC) yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Seri Mahathir Muhammad pada tahun 1996 merupakan titik tolak dan juga memberikan laluan kepada pemangkin kerajaan elektronik di bawah acuan kerajaan Malaysia.

Kerancangan dalam evolusi pengkomputeran bukan sahaja dilihat dalam penghasilan perkakasan komputer mahu pun perisian komputer yang canggih tetapi ia juga melibatkan kemunculan teknologi baru yang mampu untuk mengubah gaya hidup masyarakat setempat dan global. Apabila mempersoalkan berkaitan dengan komputer beberapa perkaitan perlu diperhatikan. Antaranya beberapa teknologi yang semakin gah dan hebat diperkatakan iaitu dunia teknologi mudah alih. Hakikatnya rata-rata rakyat Malaysia telah pun menerima arus perdana teknologi tersebut. Telefon mudah alih bukanlah teknologi asing lagi untuk diperkatakan.

Malah isu-isu yang berkaitnya juga hangat diperbincangkan di tajuk-tajuk utama media, malah pada pertengahan tahun 2006 isu telefon bimbit sedang hebat diperbincangkan di Dewan Negara. Gambaran mengenai teknologi telefon bimbit yang menjadi pemangkin utama ke arah teknologi mudah alih yang juga dikenali sebagai mobiliti menjadi pendorong kepada teknologi tersebut untuk terus bernafas dan berevolusi. Penerokaan terhadap kemudahan teknologi tersebut bukan sahaja terletak kepada komunikasi segerak malah teknologi tersebut diperhebatkan lagi dengan pelbagai kemudahan seiring dengan dunia digital yang bersandarkan kepada dunia tanpa sepadan yang telah menjadi persoalan pokok pada hari ini.

Pembabitan Malaysia dalam dunia teknologi komunikasi yang disokong oleh tiga buah syarikat komunikasi yang satu daripadanya adalah syarikat GLC memberikan harapan yang tinggi agar perkembangan teknologi tersebut dapat diiktiraf oleh dunia. Ledakan teknologi telefon mudah alih yang memberikan pelbagai kemudahan dilihat sebagai salah satu kaedah perhubungan yang bersesuaian dengan gaya hidup masa kini. Seheinggakan ia digelar juga dengan komputer mini yang mengambil beberapa konsep dan mencirikan sesebuah komputer. Telefon mudah alih pada hari ini bukan sahaja dilihat daripada segi rekabentuk malahan perisian yang terdapat di dalamnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemunculan teknologi komunikasi tanpa wayar telah menjadi begitu sinonim dan menjalar dikalangan masyarakat kita pada hari ini. Bilangan pengeluar telefon mudah alih dan pengguna internet yang semakin meningkat merupakan faktor utama kepada peningkatan teknologi tersebut. Sehingga muncunya istilah yang digelar sebagai 'generasi' bagi membolehkan teknologi tersebut dikategorikan. Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, terdapat beberapa generasi yang telah muncul sebelum teknologi tersebut dan teknologi di dalamnya juga semakin meluas pada hari ini.

Dalam generasi pertama, sistem selular secara analog yang digunakan adalah mengambil konsep teknologi daripada *Advanced Mobile Telephone System (AMTS)* yang telah dibangunkan sekitar tahun 1983. Pada masa itu jumlah spectrum yang mampu dijanakan adalah sebanyak 40MHz dan mampu diterima oleh *Federal Communication Commission (FCC)* yang mempunyai kekuatan penerimaan sebanyak 800MHz. Ia pertama sekali diuji di Chicago dengan keluasan 2100 batu persegi. Ciptaan telefon mudah alih yang pertama oleh Motorola pada 1983 adalah seperti Dr. Martin Cooper merupakan pencipta telefon mudah alih berkenaan yang diberi nama *Motorola DynaTAC 8000X*. Produk tersebut telah pun mendapat kelulusan FCC pada tahun yang sama.

Kerancangan dalam bidang teknologi komunikasi telah membawa kemunculan teknologi baru yang digelar sebagai *Global System for Mobile Communications (GSM)*. Seterusnya di sinilah bermulanya generasi kedua dalam bidang teknologi komunikasi. Dalam generasi ini, bukan sahaja telefon dilihat sebagai alat untuk komunikasi secara lisan, malah mampu digunakan untuk membuat komunikasi secara teks. Sistem ini yang lebih dikenali sebagai *Short Message System (SMS)* telah memberikan banyak impak kepada dunia komunikasi pada hari ini.




Rajah 1.1: Penerimaan SMS

Penggunaan SMS, sudah menjadi suatu kebiasaan dalam lapangan komunikasi di kalangan masyarakat kita pada hari ini. Penggunaanya yang hampir sedekad membawa banyak implementasi. Daripada yang berbentuk hiburan, undian secara atas talian hinggalah kepada muat turun pelbagai media dalam telefon bimbit iaitu *wallpaper*, *caller ringtone*, *ringtone* dan juga lagu dalam format *mp3*. Walaupun penggunaanya serta perkhidmatan yang diberikan hampir tepu, namun masih terdapat lagi ruang-ruang maklumat yang perlu diisi dan digarap untuk penggunaan bukan sahaja dalam bidang hiburan malahan pemberi kesan kepada dunia maklumat serta pengetahuan yang sedang gah diperkatakan pada hari ini.

Lantaran daripada itulah kesesuaian teknologi peralatan mudah alih serta penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dapatlah digunakan dengan sebaik mungkin. Bukan sekadar memberikan perkhidmatan kepada dunia hiburan semata-mata malahan mampu digunakan sebagai penyumbang kepada mereka yang menitik-beratkan kepada dunia bermaklumat yang berguna secara cepat, mudah dan ringkas.

Dalam merentasi dunia teknologi, kebiasaanya memerlukan inovasi serta cetusan idea kreativiti yang menarik bagi membolehkan sesuatu teknologi tersebut sentiasa dapat diterima oleh pengguna. Kemunculan generasi yang ketiga dalam bidang teknologi komunikasi telah memberikan banyak kelebihan. Jika diimbias semula

generasi sebelumnya hanya sekadar mampu berhubung secara lisan, melalui teks, gambar berlatar belakang hitam dan putih, gambar berwarna dan seterusnya lagu dalam format tertentu. Kini dengan teknologi 3G, video mampu dimainkan secara langsung melalui telefon bimbit ke telefon bimbit melalui format video yang mudah untuk dipindahkan.



Rajah 1.2: Platform dalam pindaan video melalui 3G.

1.3 Penyataan Masalah

Mark et al (2001) mendefinisikan Pengurusan Berpengetahuan yang juga disebut dengan *Knowledge Management* (KM) sebagai satu kaedah untuk memperoleh, menyimpan, mengurus dan menjadikan maklumat tersebut sebagai pengetahuan untuk di kongsi bersama dalam satu kelompok komuniti. Komuniti yang dimaksudkan di sini ialah yang berunsurkan saintifik, akademik, perniagaan dan juga jentera kerajaan. Namun begitu focus yang diberikan di sini adalah khusus untuk bidang perniagaan.

Bersandarkan kepada “*Maklumat di hujung jari*” pelbagai inisiatif telah dilakukan bagi membolehkan orang ramai memperoleh maklumat hatta daripada sumber mana sekali pun. Namun begitu, jelasnya, naluri manusia lebih sukakan kepada cara

yang cepat dan mudah serta tidak perlu untuk bersusah payah mempelajari sesuatu aplikasi yang baru. Wal hal, mereka memerlukan segala informasi tersebut untuk membina jati diri mereka dalam berhadapan dengan persaingan yang mantap dan ampuh.

Untuk mencapai hasrat tersebut, penggunaan teknologi daripada kemudahan peralatan mudah alih digunakan. Disinilah SMS memainkan peranannya yang penting sebagai laluan alternatif kepada mereka yang lebih selesa dengan kehidupan yang mudah, cepat dan ringkas. Bagi memudahkan pemahaman terhadap persekitaran projek yang bakal dibangunkan, salah sebuah organisasi yang terlibat secara langsung dalam usaha penyampaian maklumat kepada orang ramai yang berkaitan dengan pembangunan usahawan telah dipilih.

Organisasi yang dimaksudkan disini ialah, Majlis Amanah Rakyat (MARA) diambil sebagai model rujukan untuk menghuraikan sedikit sebanyak mengenai pernyataan masalah tersebut.

- MARA diambil sebagai contoh kerana organisasi ini adalah pelopor kepada pembangunan usahawan di Negara Malaysia.
- Ia juga menawarkan banyak kursus dalam pembentukan usahawan, dianggarkan terdapat hampir 300 kursus setiap tahun bagi setiap negeri.
- MARA juga masih lagi menggunakan kaedah konvensional dalam mengiklankan dan juga membuat pendaftaran kursus-kursus mereka.
- Kebanyakan usahawan di bawah seliaan MARA masih lagi ingin mengasah pengetahuan mereka dengan program-program yang baru dan lebih mencabar.

- Kaedah yang digunakan pada hari ini, dilihat masih lagi belum mencapai tahap kemampuan ICT di Malaysia.
- Kaedah yang digunapakai juga tidak interaktif dan masih lagi menggunakan tenaga sumber manusia yang tinggi. Wal hal, tenaga sumber manusia berkenaan mampu digunakan di bahagian-bahagian yang lebih penting dan agak kritikal dalam pembangunan organisasi tersebut.

Oleh yang demikian, tidak silaplah, jika MARA dijadikan sebagai kajian kes untuk memberikan pemahaman terhadap perkhidmatan yang bakal diberikan seterusnya menyumbang ke arah pembangunan system ini nanti. Selain dari itu juga, perkhidmatan yang bakal diberikan ini bakal menjadi suatu daya tarikan yang baru kepada golongan sasaran. Terdapat beberapa permasalahan yang timbul berkaitan, sekiranya kaedah konvensional atau tradisional masih lagi diteruskan. Memahami keperluan pelanggan merupakan satu kaedah yang terbaik untuk membangunkan perkhidmatan ini.

Secara lumrahnya, masyarakat Malaysia khususnya berkehendakkan kepada proses yang lebih cepat dan efisien. Rata-rata mereka akan berkrompomi sekiranya proses tersebut memakan masa yang agak lama. Apatah lagi ia melibatkan keperluan yang tersangat mereka perlukan. Walaupun kaedah konvensional masih lagi wujud dan sedang digunapakai oleh sebilangan besar agensi dan organisasi. Namun, persoalannya adakah mereka telah memuaskan hati pelanggan mereka. Persoalan ini harus dilihat daripada pelbagai sudut dan citarasa pengguna, supaya permasalahan yang wujud dapat ditangani dengan sebaik mungkin dan teknologi yang ada mampu disesuaikan mengikut keadaan.

Pengisian borang pendaftaran umpamanya, terpaksa memakan masa yang agak lama untuk diproses. Wal hal, sela masa yang ada itu mampu digunakan untuk tujuan yang lebih baik lagi, seperti pemantapan dalam organisasi tersebut. Berbalik kepada borang yang perlu diproses tadi, langkah-langkah yang diambil juga agak panjang. Daripada satu meja ke meja yang lain, maksudnya daripada satu unit atau jabatan

kepada pengurusan yang lain. Hal yang demikian, sememangnya mengambil masa yang agak lama untuk di selesaikan. Lain pula ceritanya dengan keciciran borang dan juga kehilangan boring. Permasalahan-permasalahan seperti yang disebutkan sebentar tadi, bukan sahaja memburukkan reputasi organisasi terbabit malahan memberikan kesan yang negatif kepada bakal-bakal usahawan yang baru ingin menceburi bidang tersebut.

Secara keseluruhannya permasalahan tersebut boleh diringkaskan seperti pernyataan yang di bawah:

- a) Maklumat program yang diingini tidak selalunya ada dan sukar untuk diperolehi.
- b) Sekiranya maklumat program tersebut boleh dihantar, kaedah yang digunakan juga masih lagi menggunakan kaedah konvensional dan seterusnya proses penghantaran tersebut akan memakan masa.
- c) Kaedah yang digunakan juga dilihat masih lagi kurang interaktif, lantas kurang memberikan persekitaran teknologi yang kondusif seperti yang ingin dicapai.

1.4 Objektif Kajian

Kajian pembangunan sistem yang dilakukan ini adalah supaya beberapa objektif seperti yang tersenarai dapat dicapai:

- Membangunkan sebuah projek perkhidmatan SMS kepada para komuniti usahawan.

- Menyebarkan maklumat dengan cepat dan mudah berasaskan kepada perkhidmatan SMS yang dibangunkan.

Mewujudkan daya interaktiviti dalam membuat pendaftaran kursus melalui SMS beserta dengan maklumat kursus tersebut.

1.5 Skop

Pada dasarnya *Mobile Business Intelligent Centre (MBIC)* adalah berasaskan kepada keperluan dalam dunia teknologi dan komunikasi serta penggunaan peralatan mudah alih contohnya seperti telefon mudah alih, *personal digital assistant* dan juga *smart phone devices*. Kebergantungan terhadap teknologi tersebut telah memberikan peluang dan juga kemudahan kepada mereka yang mengemari kehidupan yang selesa tanpa dibebani dengan latihan serta pembelajaran yang sukar untuk difahami. Bagi tujuan yang sedemikian, kesesuaian ruang lingkup atau pun sasaran kepenggunaan dan juga pengguna perlu diambil kira. Antara skop yang difokuskan adalah:

- Skop bidang
- Skop pengguna

1.5.1 Skop Bidang

Memandangkan bidang perniagaan adalah sesuatu bidang yang luas, maka skop perkhidmatan ini hanya akan menyentuh mengenai proses pembangunan perniagaan dan

juga keusahawan. Jika dikaji secara menyeluruh, bidang keusahawan di Malaysia agak luas. Antaranya ia meliputi pertanian, pembuatan, pemakanan dan pelbagai lagi projek-projek yang berdaya maju dan mampu untuk dikomersialkan ke peringkat antarabangsa. Dalam menuju misi serta visi negara yang kini berkonsepkan global, usahawan bumiputera khususnya kini diberikan pelbagai insentif untuk menaikkan martabat ekonomi melayu.

Memetik daripada perkataan global sahaja yang membawa konsep tempatan yang boleh memberi nilai ke peringkat antarabangsa. Perkhidmatan MBIC merupakan satu perkhidmatan yang mampu untuk membantu usahawan dari segi integriti usahawan terbabit yang meliputi pengetahuan dan juga jurang antara usahawan yang terlibat secara langsung atau tidak dalam sesuatu perniagaan tersebut. MBIC adalah suatu perkhidmatan bagi membolehkan pengguna membuat pendaftaran kursus dan juga latihan dengan agensi atau organisasi secara SMS. Memandangkan perkataan MBIC diambil daripada elemen perniagaan, maka skop bidang yang difokuskan adalah khusus untuk tujuan perniagaan sahaja. Bidang perniagaan merupakan salah satu bidang yang luas, oleh itu perkhidmatan ini hanya memfokuskan kepada bidang kursus dan juga latihan sahaja.

1.5.2 Skop Pengguna

Perkhidmatan MBIC sesuai digunakan oleh golongan usahawan dan juga bakal usahawan untuk mendalami ilmu perniagaan mereka. Selain itu juga, agensi serta organisasi yang memberikan khidmat latihan serta kursus tersebut juga mudah untuk dipromosikan. Elemen-elemen teknologi tersebut bukan sahaja dilihat sebagai pemangkin kepada pembangunan sistem, malahan ia juga menjadi asas kepada perkhidmatan yang lebih mantap. Ia juga sebagai titik permulaan ke arah mencapai

tahap kepercayaan daripada *client* dan juga *customer* perkhidmatan MBIC. Sebagai permulaan untuk fasa pertama pembangunan perkhidmatan ini, kandungan maklumat yang bakal diberikan adalah berunsur maklumat-maklumat program atau kursus sahaja.

Ini termasuklah dari segi penganjur, tempat, tarikh dan juga bayaran yang dikenakan kepada bakal peserta. Selain itu juga, client yang terdiri daripada organisasi-organisasi atau pun disebut sebagai penganjur boleh mendapatkan konsultan swasta bagi mengendalikan program mereka, Ini juga salah satu kemudahan yang diberikan untuk membolehkan konsultan mendaftar secara online melalui MBIC. Secara tidak langsung perkhidmatan ini bukan sahaja sebagai pelopor untuk menyebarkan maklumat program malahan bakal menjadi *Enterprise Human Resource Planning (EHRP)*, yang bakal mengintegrasikan antara organisasi besar dan juga konsultan.

1.6 Kepentingan Projek

Bagi memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berteraskan kepada keusahawanan, MBIC dilihat sebagai platform ke arah mencapai hasrat tersebut. Boleh dikatakan hampir setiap hari pendaftaran untuk penubuhan syarikat baru akan terus meningkat. Ini ditambah pula dengan saranan kerajaan, untuk meningkatkan lagi bilangan usahawan bumiputera tidak kiralah sama ada usahawan makanan, pertanian mahu pun usahawan yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi.

Tanpa bimbingan dan motivasi yang berterusan, usahawan-usahawan tersebut hanya tinggal namanya sahaja tanpa meninggalkan sebarang kejayaan. Kesedaran melalui pengiklanan yang berterusan mampu menarik minat sebilangan besar usahawan untuk menimba lebih banyak ilmu. Selain itu, ia juga mampu menarik orang ramai untuk menceburi bidang keusahawanan. Berkemungkinan penerapan dalam kursus mentor

secara *point 2 point* juga bakal difikirkan bagi menjadikan MBIC lebih dinamik dan mampu memberikan perkhidmatan berasaskan ICT secara berterusan.

Usahawan baru terutamanya, sememangnya sangat memerlukan banyak maklumat tentang bimbingan dan kemudahan yang boleh diperolehi untuk mendepani dunia keusahawanan yang penuh mencabar. Oleh yang demikian penggunaan teknologi MDC dilihat sebagai satu langkah yang amat berkesan kerana ia amat rapat dan begitu personal dalam kehidupan mereka, Dengan jurang yang dikurangkan ini akan meningkatkan lagi minat dan semangat dikalangan usahawan.

1.7 Kesimpulan

Daripada perbincangan sebelum ini, maka dapatlah perkara-perkara asas dalam bab ini dijelaskan dengan sebaik mungkin. Daripada latar belakang kajian yang menyentuh mengenai aspek kemunculan teknologi komunikasi secara ringkas. Kemunculan era telekomunikasi yang telah dipelopori sebelum ini. Penemuan teknologi telekomunikasi yang dahulunya dilihat agak sukar diterima kini telah menjadi salah satu gaya hidup masyarakat yang lebih mementingkan soal komunikasi. Selain daripada jarak berdasarkan frekuensi, bentuk rekaan produk telefon itu sendiri juga memainkan peranan yang penting dalam menerokai bidang tersebut.

Walaupun sebelum era komunikasi jarak jauh diterima pakai oleh masyarakat dunia melalui kaedah telekomunikasi, komunikasi secara teks telah digunakan. Namun kaedah kaedah komunikasi berteks kini digunakan semula dengan pendekatan yang berbeza. Penyampain berteks semakin mendapat sambutan hatta dalam pelbagai sektor kerana ia adalah media yang mudah digunakan dan ditambah pula dengan ciri-ciri yang mudah serta cepat.

Skop kajian diteliti bagi membolehkan kajian ini tidak tersasar daripada objektifnya. Selain daripada mengkaji pendekatan yang sedia ada, pemahaman serta kehendak terhadap sesuatu organisasi yang ingin menceburi bidang teknologi maklumat perlu diberi perhatian. Di sini sektor yang diberi penekanan adalah khusus daripada agensi yang diberi tanggung jawab terhadap bidang pembangunan keusahawanan. Pembabitan teknologi SMS sekali lagi ditekankan dalam perbincangan kepentingan projek. Tanpa penjelasan yang sedemikian, pihak pelanggan sasaran masih lagi belum merasai kepentingan kehadiran teknologi terbabit. Secara tidak langsung keseluruhan bab ini mengabungkan usaha sama serta mencari perkaitan antara teknologi serta gaya hidup yang digemari oleh masyarakat setempat untuk dijadikan peluang ke arah pembangunan masyarakat berilmu melalui pendedahan yang ilmu secara sistematik.